



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM, MALAYSIA

PUBLIC SERVICE DEPARTMENT, MALAYSIA

Blok C1 - C3, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 603-88853001
Faks (Fax): 603-88892187
Laman Web (Web): www.jpa.gov.my

Ruj. Kami : JPA (I) S.179/ 17/ 2-7 Klt. 5 (2)

Tarikh : 1 Oktober 2020/ 13 Safar 1442H

YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

PELAWAN PENAJAAN HADIAH LATIHAN PERSEKUTUAN SEPARA BIASISWA SESI 2020/2021 UNTUK PEGAWAI PENGURUSAN DAN PROFESIONAL YANG MENGIKUTI PENGAJIAN DI PERINGKAT SARJANA DAN PH.D SECARA SEPARUH MASA

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Jabatan ini ingin mempelawa pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan untuk mengemukakan pencalonan daripada kalangan pegawai kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P) yang memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan bagi penajaan Hadiah Latihan Persekutuan Separa Biasiswa (HLPSB) Sesi 2020/2021. Penajaan HLPSB ini terbuka kepada semua pegawai **Perkhidmatan Awam Persekutuan dan Badan Berkanun Persekutuan sahaja** yang sedang mengikuti pengajian di peringkat Sarjana dan Kedoktoran (Ph.D) **secara separuh masa**.

3. Walau bagaimanapun, penajaan ini tidak merangkumi pegawai kumpulan P&P di Kementerian/Jabatan/Agensi yang mempunyai peruntukan untuk mengendalikan kursus Pasca Ijazah atau agensi yang mempunyai badan penaja yang lain. Antara Kementerian/Jabatan/Agensi yang dimaksudkan ialah **Kementerian Pendidikan Malaysia** (kecuali pegawai di bawah skim perkhidmatan gunasama dan jawatan kader), **Kementerian Pertahanan Malaysia** (kecuali pegawai di bawah skim perkhidmatan gunasama dan jawatan kader) dan **Kementerian Kesihatan Malaysia** (kecuali pegawai di bawah skim perkhidmatan gunasama dan jawatan kader), jabatan/agensi/badan berkanun yang telah diswastakan /dikorporatkan/ diasingkan sistem saraannya (dibebaskan atau tidak dibebaskan) dan organisasi-organisasi lain yang berkaitan.

4. Penawaran bagi penajaan HLPSB Sesi 2020/2021 ini akan dilaksanakan mengikut tarikh seperti berikut:

BIL.	PERKARA	TARIKH
1.	Permohonan secara atas talian oleh pegawai melalui portal eSila JPA, http://esilav2.jpa.gov.my	1 Oktober 2020 hingga 6 November 2020
2.	Tarikh tutup pencalonan pegawai oleh Ketua Jabatan / Ketua Perkhidmatan	13 November 2020
3.	Semakan keputusan melalui portal eSila, JPA http://esilav2.jpa.gov.my	Disember 2020

5. Maklumat terperinci berhubung syarat & tatacara permohonan / pencalonan, dokumen-dokumen yang diperlukan dan sebagainya bagi penajaan HLPSB Sesi 2020/2021 ini adalah seperti di **LAMPIRAN 1** untuk rujukan dan perhatian pihak YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan. Pihak YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan boleh menghubungi unit **Pengurusan Penawaran Latihan Dalam Perkhidmatan di talian 03-8885 3053 / 3571** atau emel : **penawaranldp@jpa.gov.my** sekiranya mempunyai sebarang pertanyaan lanjut berhubung penajaan HLPSB Sesi 2020/2021.

6. Kerjasama pihak YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/tuan/puan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(AZURA BINTI AZIZ)

Bahagian Pembangunan Modal Insan
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

**MAKLUMAT BERKAITAN PENAWARAN
HADIAH LATIHAN PERSEKUTUAN SEPARA BIASISWA (HLPSB)
SESI 2020/2021**

1. SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

Pegawai yang memohon hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:

- i) Pegawai **Kerajaan Kumpulan Pengurusan dan Profesional** yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan tetap;
- ii) Telah **disahkan dalam skim perkhidmatan terkini** pada tarikh tutup permohonan;
- iii) Pegawai berumur tidak lebih daripada **50 tahun** bagi peringkat **Sarjana** serta **46 tahun** bagi peringkat **Kedoktoran (Ph.D)** pada **1 Januari 2020**;
- iv) Mencapai markah **Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT)** purata **85** markah ke atas bagi tempoh genap **3 tahun** skim perkhidmatan terkini berturut-turut (**2017, 2018 & 2019**). Penilaian setahun LNPT genap **12 bulan**;
- v) **Telah menerima tawaran dan baru memulakan pengajian** di peringkat Ijazah Sarjana atau Ph.D pada tahun 2020 secara separuh masa di universiti-universiti seperti di **Lampiran 2**;
atau

Sedang mengikuti pengajian di peringkat Ijazah Sarjana atau Ph.D pada tahun 2020 secara separuh masa di **universiti-universiti seperti di Lampiran 2** dengan syarat masih mempunyai **sekurang-kurangnya baki tiga (3) semester** pada tarikh tutup permohonan;

- vi) Tidak tersenarai dalam senarai hitam pinjaman atau biasiswa JPA;
- vii) Telah mendapat **kelulusan melanjutkan pengajian secara separuh masa** daripada Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan;
- viii) Kursus yang diikuti adalah berkaitan dengan bidang yang ditawarkan seperti di **Lampiran 3**;
- ix) Tidak mendapat penajaan (pinjaman atau biasiswa) daripada agensi penaja yang lain bagi pengajian yang diikuti;

- x) Mematuhi **syarat genap tempoh tamat** mengikuti kursus jangka panjang/ pendek seperti berikut:

Tempoh Kursus	Tempoh Menunggu (pada 1 Januari 2020)
Lebih daripada 12 bulan	2 tahun
Lebih daripada 3 bulan dan kurang daripada 12 bulan	1 tahun
Kurang daripada 3 bulan	Tiada

- xi) Mengikuti pengajian di **peringkat yang lebih tinggi** daripada kelayakan akademik sedia ada yang dimiliki pegawai;
- xii) Bersih daripada pertuduhan/tindakan tatatertib dan bebas daripada dakwaan Mahkamah; dan
- xiii) Telah mengisytiharkan harta.

2. KEMUDAHAN

- i) Pegawai yang terpilih untuk menerima HLPSB akan diberi kemudahan penajaan yang merangkumi pembayaran **Yuran Pengajian, Elaun Buku dan Elaun Tesis** di sepanjang tempoh pengajian berdasarkan kaedah berikut:

PERINGKAT	ELAUN	TEMPOH
SARJANA	i. Yuran Pengajian dibayar sebagaimana dituntut oleh pihak universiti. ii. Elaun Buku - 2 kali sahaja sepanjang pengajian. iii. Elaun Tesis - Dibayar di akhir pengajian.	3 tahun
Ph.D	i. Yuran Pengajian dibayar sebagaimana dituntut oleh pihak universiti. ii. Elaun Buku - 4 kali sahaja sepanjang pengajian. iii. Elaun Tesis - Dibayar di akhir pengajian.	5 tahun

- ii) Selain daripada Yuran Pengajian, Elaun Buku dan Elaun Tesis, pegawai juga layak untuk mendapatkan kemudahan **Cuti Kursus Sambilan tidak melebihi 30 hari** dalam setahun seperti yang diperuntukkan di dalam Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7 Tahun 2009 (Kemudahan Cuti Kursus Sambilan (CKS) Kepada Pegawai Yang Mengikuti Pengajian Secara Sambilan Di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Dalam Negara).

3. IKATAN PERJANJIAN DENGAN KERAJAAN

Pegawai-pegawai yang berjaya dikehendaki menandatangani perjanjian dengan Kerajaan dan pegawai adalah tertakluk kepada tempoh ikatan kontrak yang dikenakan untuk berkhidmat dengan Kerajaan.

4. TATACARA PERMOHONAN

- i) Permohonan boleh dibuat dengan mengisi borang permohonan (**LAMPIRAN A**) secara atas talian di portal eSila, JPA melalui pautan <http://esilav2.jpa.gov.my>. Permohonan dibuka mulai **1 Oktober 2020** hingga **6 November 2020**.
- ii) Borang yang telah lengkap diisi hendaklah dimuat turun, dicetak dan ditandatangani sebelum dihantar kepada **Ketua Jabatan dan Ketua Perkhidmatan** masing-masing. Dokumen-dokumen yang perlu disertakan bersama-sama dengan borang permohonan tersebut adalah seperti berikut:
- a) Salinan Kad Pengenalan;
 - b) Salinan Surat Tawaran kemasukan ke institusi secara **separuh masa/ pengajian jarak jauh/ kursus luar kampus**;
 - c) Salinan slip pendaftaran/surat pengesahan pendaftaran kemasukan ke institusi;
 - d) Salinan Ijazah Pertama atau kelulusan yang setaraf dengannya (skrol dan transkrip);
 - e) Salinan Ijazah Sarjana atau kelulusan yang setaraf dengannya (skrol dan transkrip, sekiranya berkaitan);

- f) Salinan Senarai Tugas;
- g) Salinan kelulusan melanjutkan pengajian secara separuh masa daripada Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan; dan
- h) Borang Maklumat Ringkas Pengajian (yang dilengkapi oleh pihak institusi pengajian seperti di **LAMPIRAN C**).

Sila rujuk panduan penyusunan dokumen permohonan yang lengkap seperti di **Lampiran 4**.

Permohonan dengan dokumen yang **tidak lengkap dan tidak dikemukakan** melalui Ketua Jabatan DAN Ketua Perkhidmatan serta tidak memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan **TIDAK AKAN DIPROSES UNTUK TUJUAN PERTIMBANGAN**.

5. **TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN DAN KETUA PERKHIDMATAN**

- i) Ketua Jabatan dan Ketua Perkhidmatan adalah dinasihatkan supaya membuat **semakan yang teliti dan memberi sepenuh perhatian kepada syarat-syarat yang ditetapkan**. Sehubungan itu, adalah menjadi tanggungjawab Ketua Jabatan dan Ketua Perkhidmatan untuk memperakukan pegawai-pegawai yang **sesuai serta memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan sahaja**.
- ii) Semua pencalonan hendaklah diperakukan oleh Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) seperti yang dinyatakan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 2005. Hanya pencalonan yang **disokong dan diperakukan oleh** Ketua Jabatan DAN Ketua Perkhidmatan sahaja yang perlu dikemukakan kepada Jabatan ini. Sehubungan itu, adalah menjadi tanggungjawab Panel Pembangunan Sumber Manusia untuk mengambil tindakan-tindakan berikut:
 - a) Mengisi Borang Laporan Panel Pembangunan Sumber Manusia Kementerian/Jabatan untuk kursus dalam perkhidmatan - JPA(L) LDP 1A/96 (**LAMPIRAN B**);
 - b) Memastikan ruangan perakuan Ketua Jabatan **di dalam borang permohonan** dilengkapi & ditandatangani oleh Ketua Jabatan;
 - c) Hanya pencalonan yang disokong dan diperakukan oleh PPSM sahaja yang perlu dikemukakan kepada Jabatan ini. Perakuan

pencalonan mestilah dikemukakan bersama-sama:

- (i) Dokumen-dokumen seperti di perenggan 4; dan
 - (ii) Dokumen-dokumen seperti di perenggan 5 (ii)(a).
- d) **Pencalonan tanpa melalui PPSM dan tanpa borang-borang yang lengkap secara automatik tidak akan dipertimbangkan permohonannya;**
- e) **Jabatan ini berhak menolak pencalonan** daripada kementerian/jabatan/agensi yang didapati tidak mengambil tindakan yang digariskan di atas;
- f) **Pencalonan yang lengkap** hendaklah dikemukakan ke Jabatan ini selewat-lewatnya pada **13 November 2020** melalui alamat berikut:
- Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
Bahagian Pembangunan Modal Insan
Aras 3, Blok C2, Kompleks C
62510 PUTRAJAYA.
(u.p.: Unit Pengurusan Penawaran Dalam Perkhidmatan)
- g) **Segala keputusan permohonan adalah muktamad dan sebarang rayuan tidak akan dipertimbangkan.**

6. PERTANYAAN

- i) Sebarang pertanyaan atau kemusykilan dalam urusan ini bolehlah diajukan kepada:

Unit Pengurusan Penawaran Dalam Perkhidmatan
Bahagian Pembangunan Modal Insan, JPA

Telefon : 03-8885 3053 / 3571
Emel : penawaranldp@jpa.gov.my